

JAWAPAN

BIDANG AL-QURAN

PELAJARAN 1

Allah SWT Pengampun Segala Dosa

BAHAGIAN A

1 C 2 D 3 B 4 A 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Dosa
(ii) Wajib
(iii) Taubat
(iv) Beruntung
(v) Mengakui
- (b) 2, 3, 1
- (c) Pada pendapat saya, manusia sering melakukan dosa kerana iman tidak kuat (1m). Hal ini kerana seseorang yang lemah iman akan mudah tergoda dengan hasutan syaitan dan hawa nafsu untuk membuat perkara yang boleh mendatangkan dosa. (1m) Kesannya, mereka akan cenderung ke arah maksiat yang melalaikan (1m). Konklusinya, kita hendaklah memantapkan iman kita dengan mendekatkan diri kepada Allah agar dapat dijauhkan daripada hasutan syaitan dan hawa nafsu (1m)

PELAJARAN 2

Al-Quran Petunjuk Kebenaran

BAHAGIAN A

1 A 2 B 3 B 4 D 5 C

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Kitab
(ii) Peringatan
(iii) Berita gembira
(iv) Kejahilan
(v) Penyelewengan
- (b)

لَقَدْ يَدْرَأُ الَّذِي أُنزِلَ عَلَيْهِ الْكِتَابُ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَاذًا ۖ قِيمًا لِّنَذِيرٍ بَاسًا
 شَرِيدًا مِّنْ لَّدُنْهُ وَيُنذِرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا
 حَسَنًا ۖ لَا يَمُوتُونَ فِيهِ أَبَدًا ۖ وَيُنذِرَ الَّذِينَ قَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا ۚ لَّعَلَّهُمْ
 تَأْمَنُوا مِنْ عَذَابِ اللَّهِ الَّذِي هُوَ عَزِيزٌ أَلِيمٌ ۚ وَلَا يَلْبِثُ فِيهِمْ كَثِيرٌ ۚ كَلِمَةٌ تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِن يَقُولُونَ
 إِلَّا كَذِبًا ۖ
- (c) (ii) Betul
(iv) Betul
(v) Betul
- (d) Kita digalakkan membaca dan menghafaz surah Al-Kahf kerana :
 - Terhindar daripada fitnah dajjal.
 - Sekiranya dibaca pada hari Jumaat maka seseorang itu akan disinari cahaya diantara dua Jumaat manakala jika dibaca pada malam Jumaat maka seseorang itu akan disinari cahaya antara dia dan Kaabah.

PELAJARAN 3

Hukum Tajwid (Hukum Mad)

BAHAGIAN A

1 B 2 A 3 C 4 A 5 D

BAHAGIAN B

- 1 (a) Huruf-huruf mad :
 - ا،و،ي -
 (b) Maksud hukum mad :
 - Memanjangkan suara pada huruf mad atau huruf lin
 (c) Dua huruf mad lin :
 - و،ي -
- 2 (a) (i) Huruf mad bertemu dengan huruf hamzah pada dua kalimah yang berlainan
 (ii) Huruf lin (wau dan ya) bertanda sukun didahului sebelumnya huruf berbaris atas dan dibaca dengan waqaf
 (iii) Huruf mad bertemu dengan huruf hamzah dalam satu kalimah
 (b) (i) 4 atau 5 harakat
 (ii) dibaca 2 harakat
 (iii) dibaca baris satu di atas sekadar 2 harakat

PELAJARAN 4

Pancaindera yang dimanfaatkan

BAHAGIAN A

1 C 2 A 3 A 4 A 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Masuk Syurga - Manusia yang beramal dengan amalan baik berlandaskan ketakwaan kepada Allah SWT.
 (ii) Masuk Neraka - Manusia yang beramal dengan amalan buruk dan ingkar kepada Allah SWT.
- (b) (i) ✓
 (iii) ✓
 (iv) ✓
 (v) ✓
- (c) Dua cara memanfaatkan pancaindera ke arah melakukan kebaikan :
 - i - Memahami ayat-ayat Al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW.
 - ii - Mengambil iktibar daripada tanda-tanda kebesaran Allah SWT sebagai pencipta melalui kejadian alam semesta
- (d) Dua cara mencari kebenaran dengan mencegah kemungkaran.
 - i - Berusaha membetulkan salah faham kandungan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW.
 - ii - Berusaha menjauhkan diri daripada melihat perkara-perkara yang haram.
- (e) Antara cara yang boleh saya lakukan apabila berhadapan dengan situasi tersebut adalah dengan menegur mereka secara lisan (1m). Hal ini kerana, saya tidak mempunyai kuasa untuk menegur secara memukul atau denda(1m). Kesannya, teguran itu boleh memberi kesedaran dalam diri mereka bahawa mereka sedang melakukan perkara yang amat dilarang. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mencegah kemungkaran agar kita tidak disoal kerana mengabaikan kemungkaran untuk terus berlaku. (1m)

- (f) Dua pengajaran ayat :
- Kita hendaklah melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya supaya dijauhkan daripada neraka jahannam.
 - Kita hendaklah memanfaatkan hati, mata dan telinga kerana semuanya ialah amanah Allah SWT kepada manusia.

PELAJARAN 5 Zikir Penenang Hati

BAHAGIAN A

1 B 2 A 3 D 4 D 5 D

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Disunatkan, tilawah
(ii) Solat, berniat, sekali, biasa, bangun
(iii) Luar, sujud, duduk selepas sujud
(b) Maksud zikir secara istilah :
– Mengingati Allah sama ada melalui hati atau lisan.
(c) Dua peranan zikir :
i – Dapat menimbulkan rasa syukur kepada Allah kerana zikir mendatangkan rasa takut dan rendah diri kepada Allah.
ii – Dapat mententeramkan hati kerana kita sedang membersihkan mulut daripada kekotoran dan menyucikan diri daripada hadas.
(d) Cara berzikir dalam hati :
Antara cara berzikir dalam hati, menurut Al-Qadi 'Iyad kita hendaklah berzikir dengan menumpukan fikiran kepada keagungan dan kekuasaan Allah. Selain itu, mentaati perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya.
(e) (i) adab
(iii) adab
(v) adab
(vi) adab
(f) Dua pengajaran ayat :
i – kita hendaklah sentiasa berzikir kepada Allah sepanjang masa agar hidup kita lebih tenang serta supaya kita tidak terlalu lalai dan sombong.
ii – Kita hendaklah melembutkan suara ketika berzikir agar dapat mendatangkan rasa khusyuk, takut dan rendah diri kepada Allah serta kerana Allah itu Maha Mendengar.

PELAJARAN 6 Generasi Unggul

BAHAGIAN A

1 A 2 D 3 D 4 D 5 B

BAHAGIAN B

- 1 (a) Maksud sahabat dari sudut istilah :
– Maksud sahabat dari segi istilah ialah sesiapa yang berjumpa dengan Rasulullah SAW dan beriman kepadanya serta meninggal dunia dalam Islam.
(b) Empat sahabat yang dijanjikan syurga :
i – Sayidina Abu Bakar As-Siddiq RA
ii – Sayidina Umar Bin Al-Khattab RA
iii – Sayidina Uthman Bin Affan RA
iv – Sayidina Ali Bin Abi Talib RA
(c) (i) Penduduk Mekah yang beriman kepada Rasulullah. Mereka berhijrah ke Madinah dan tinggal di sana – MUHAJIRIN

- (ii) Penduduk Madinah daripada kalangan kabilah Aus dan Khazraj yang Beriman kepada Rasulullah. Mereka membantu Rasulullah dan golongan Muhajirin ketika tiba di Madinah – ANSAR
(d) Dua pengiktirafan Allah terhadap para sahabat :
– Allah SWT meredai para sahabat
– Para sahabat dijanjikan dengan kemenangan
(e) Dua ayat pengajaran :
– Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba dalam urusan kebaikan agar kita menjadi seperti Assabiqun al-Awwalun kerana mereka membantu perjuangan Rasulullah SAW ketika orang lain menolaknya.
– Kita hendaklah bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat kurniaan Allah SWT dengan menjauhi larangan-Nya supaya kita beroleh kesejahteraan yang berpanjangan.

PELAJARAN 7 Kewajipan Memelihara Kehormatan Diri

BAHAGIAN A

1 A 2 D 3 C 4 D 5 A
6 A 7 A 8 A 9 A 10 C

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) ✓
(iii) ✓
(b) Perintah Allah dalam ayat :
– Menundukkan pandangan
– Memelihara kehormatan
– Menutup aurat
– Bertaubat
(c) Dua cara menjaga kehormatan :
– Berpakaian yang menepati kehendak syariat
– Bercakap perkataan yang baik, lemah lembut dan bersopan santun
(d) Aurat lelaki dan perempuan :
– Lelaki
– Perempuan
2 (a) (i) A
(iv) A
(v) A
(b) (i) Ketika bersama dengan wanita Islam yang lain – Daripada pusat hingga lutut
(ii) Ketika bersama dengan lelaki mahram – Daripada pusat hingga lutut, sekiranya dikhuatiri menimbulkan fitnah, hendaklah berpakaian sopan dan menutup tubuh
(iii) Ketika bersama dengan lelaki bukan mahram – Seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan
(iv) Ketika bersama dengan wanita bukan Islam – Seluruh badan kecuali anggota yang zahir ketika bekerja.
(c) Empat syarat taubat :
(i) Menyesal atas dosa yang dilakukan
(ii) Berhenti melakukan dosa
(iii) Berazam tidak mengulangi perbuatan dosa
(iv) Minta maaf dan memulangkan hak kepada pemilik
(d) Dua pengajaran ayat :
– Kita hendaklah memelihara kehormatan diri agar kehidupan dirahmati Allah SWT.
– Kita hendaklah sentiasa bertaubat agar dicintai Allah SWT.

PELAJARAN 8

Penciptaan Manusia Bukti Kekuasaan Allah SWT

BAHAGIAN A

1 D 2 C 3 A 4 A 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Merupakan pencampuran air mani yang dikenali sebagai sperma bagi lelaki dan ovum bagi perempuan
(ii) Segumpul darah yang tergantung dalam rahim ibu dan telah dijadikan tempat yang paling sesuai dan selamat bagi proses kejadian manusia
(iii) Tahap yang merupakan permulaan bagi pertumbuhan otak, saraf tunjang dan pembentukan anggota lain seperti telinga dan mata.
(iv) Pembentukan seluruh anggota telah sempurna dan para ulama' bersepakat menyatakan bahawa roh ditiup selepasnya.
- (b) (i) Remaja
(ii) Dewasa
(iii) Kanak-kanak
(iv) Mati
(v) Tua
- (c) Dua pengajaran ayat :
– Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT Maha Berkuasa mencipta manusia dengan sangat sempurna agar kita menjadi hamba yang bertakwa.
– Kita hendaklah menghargai anggota badan ciptaan Allah SWT kerana manusia merupakan sebaik-sebaik kejadian.

BIDANG HADIS

PELAJARAN 9

Sedekah Kunci Kebaikan

BAHAGIAN A

1 A 2 D 3 D 4 A 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) Maksud sedekah dari sudut istilah :
– Suatu pemberian yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- (b) (i) Berlaku adil dalam tindakan
(ii) Membantu orang menaiki kenderaan
(iii) Mengucapkan perkataan yang baik
(iv) Mengalihkan sesuatu yang berbahaya di jalan
(v) Berjalan untuk menunaikan solat
(vi) Membantu orang mengangkat barang ke dalam kenderaan
(vii) Mendamaikan orang yang bertelingkah
- (c) Kelebihan membantu orang menaiki kenderaan atau mengangkat barang :
– Memberi keselesaan kepada orang yang memerlukan bantuan seperti warga emas, pesakit, ibu mengandung dan orang kurang upaya.
– Meringankan beban orang lain.
- (d) Tujuan kita disuruh mengalihkan sesuatu yang berbahaya di jalan :
– Kita diseru untuk bertindak menghilangkan sesuatu yang berbahaya di jalanan kerana ianya menunjukkan keimanan kepada Allah, mengurangkan risiko kemalangan dan memberikan keselesaan kepada

pengguna yang lain.

- 2 (a) (i) Mengucapkan perkataan yang baik
– Menenangkan pendengar
– Menyemarak budaya komunikasi berkesan.
(ii) Berjalan untuk menunaikan solat
– Dapat mengamalkan gaya hidup sihat.
– Ditingkatkan darjat dan dihapuskan dosa jika menuju ke masjid dalam keadaan berwuduk.
- (b) Dua pengajaran hadis :
– Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa memanfaatkan masa, tenaga dan kemahiran untuk membantu orang lain agar menjadi orang bertakwa.
– Sebagai umat Islam kita hendaklah mendamaikan orang yang bertelingkah kerana setiap mukmin bersaudara.
- (c) Pada pendapat saya, antara sebab Islam menentang pergaduhan dan perpecahan kerana keharmonian ukhawah sesama sendiri (1m). Hal ini kerana Islam menerapkan hubungan yang baik dan mendidik untuk bersatu tanpa mengira latar belakang sesuatu pihak. (1m) Kesannya, semua pihak akan saling menolong dan menjaga kehormatan antara satu sama lain. (1m) Konklusinya, kita mestilah memupuk semangat ukhawah dalam diri kita agar dapat mengelakkan daripada berlaku perpecahan. (1m)

PELAJARAN 10

Hindari Sifat Negatif

BAHAGIAN A

1 D 2 B 3 D 4 D 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) Sifat negatif yang disebut dalam hadis :
(i) Pengecut
(ii) Malas
(iii) Nyanyuk
(iv) Lemah
- (b) Dua contoh yang menunjukkan sifat lemah :
(i) Murid yang tidak mampu membantu guru mengangkat barang-barang kerana sakit.
(ii) Murid tingkatan tiga tidak mampu memahami isi pelajaran peringkat universiti.
- (c) Umat Islam ditegah bersifat malas kerana :
– Umat Islam ditegah bermalas-malasan supaya dapat meningkatkan kebaikan dan berubah dari kemunduran kepada kemajuan.
- (d) Dua faktor seseorang itu menjadi pengecut :
(i) Takut di pinggirkan jika menghalang sesuatu situasi
(ii) Kurang keyakinan
- (e) Dua pengajaran hadis :
– Sebagai umat Islam kita hendaklah berani dalam segala perkara kebaikan kerana sifat berani ialah sifat para wali Allah.
– Sebagai umat Islam kita hendaklah berusaha menjadi orang yang kuat kerana seorang mukmin yang kuat lebih dicintai oleh Allah.
- (f) Pada pendapat saya, Islam menggalakkan umatnya menjadi kuat ialah kerana mukmin yang kuat lebih cenderung untuk melakukan kebaikan (1m). Hal ini kerana, mukmin yang kuat mempunyai keinginan dan semangat yang lebih dari mukmin yang lemah (1m). Kesannya, mukmin yang kuat akan lebih banyak melakukan kebaikan berbanding mukmin yang lemah. (1m) Kesimpulannya, kekuatan jasmani dan rohani adalah amat penting dalam Islam untuk lebih dekat kepada Allah. (1m)

BIDANG AKIDAH

PELAJARAN 11 Allah SWT Maha Kaya Pengurnia Rezeki

(Unit 1)

BAHAGIAN A

1 B 2 C 3 A 4 C 5 D

BAHAGIAN B

- 1 (a) Maksud Allah bersifat Al-Ghaniy :
 - Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah Maha Kaya dan tidak memerlukan kepada sesuatu yang lain.
- (b) Dua bukti Allah bersifat Al-Ghaniy
 - (i) Allah menguasai seluruh makhluk dilangit dan di bumi
 - (ii) Semua makhluk sentiasa berhajat kepada Allah SWT
 - (iii) Allah tidak berhajat kepada ketaatan makhluk
- (c) Kita tidak boleh berbangga dengan kekayaan yang kita miliki : Kekayaan yang dimiliki adalah bukan milik hamba tetapi milik Allah SWT (1m). Kekayaan hanyalah suatu bentuk ujian atau pinjaman yang diberikan kepada hamba (1m). Tambahan lagi ujian dan pinjaman perlu dihadirkan dengan rasa penuh ketaatan dan kesyukuran yang dizahirkan melalui perbuatan terutamanya. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah menjadi seorang hamba yang mensyukuri setiap nikmat yang diberikan agar kita tidak dilihat kufur terhadap pemberian tersebut. (1m)

(Unit 2)

BAHAGIAN A

1 C 2 C 3 D 4 D 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) Maksud nama Allah Ar-Razzaq :
 - Nama yang menunjukkan bahawa Allah Maha Pemberi Rezeki, dia yang menjadikan rezeki dan mengurniakan kepada seluruh makhluk
- (b) Dua bukti Allah bersifat Ar-Razzaq :
 - (i) Allah memberi rezeki kepada seluruh makhluk-Nya sama ada manusia, jin atau haiwan mahupun tumbuh-tumbuhan.
 - (ii) Allah berkuasa melapangkan dan menyempitkan rezeki hamba-hamba-Nya.
 - (iii) Allah berjanji menambahkan rezeki kepada hamba-Nya yang bersyukur.
- (c) Masih terdapat manusia yang mencari rezeki dengan cara haram :
 - Manusia mudah lupa dengan perintah dan peringatan yang diberikan oleh Allah SWT (1m). Apabila manusia dihujani dengan ujian dan cabaran seperti nikmat kekayaan, ia mula menunjuk-nujuk dengan perkara yang dimilikinya (1m) Justeru, keadaan tersebut membawa dirinya ke jalan yang tidak diredhai (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah mencari dan memanfaatkan rezeki bersumber yang halal agar ia tidak menjadi perkara yang memudaratkan diri kelak (1m).

PELAJARAN 12 Beriman Kepada Rasul

BAHAGIAN A

1 D 2 C 3 D 4 B 5 A
6 D 7 B 8 C 9 D 10 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Allah
(ii) Berbohong
(iii) Maknawiah
(iv) Pancaindera
(v) Cekal
- 2 (a) Maksud beriman kepada Rasul :
 - Meyakini bahawa Allah SWT mengutuskan para nabi dan rasul kepada umat manusia dan meyakini pengutusan 25 orang rasul yang disebutkan dalam Al-Quran secara khusus.
- (b) Dua perbezaan nabi dan rasul :

Nabi	Rasul
Lelaki yang diutuskan Allah dengan wahyu untuk dirinya sahaja	Lelaki yang diutuskan Allah untuk menerima wahyu dan menyampaikan kepada orang lain
Banyak bilangannya	25 orang wajib diketahui

- (c) Empat sifat wajib bagi rasul :
 - (i) Siddiq
 - (ii) Amanah
 - (iii) Tabligh
 - (iv) Fatanah
- (d) Rasul dipilih dari kalangan manusia supaya :
 - Rasul dapat menunjukkan contoh ikutan yang sempurna kerana rasul lebih mengetahui keperluan manusia.
 - Menunjukkan kemuliaan manusia yang dipilih menjadi khalifah berbanding makhluk yang lain.
- (e) Maksud mukjizat dan bahagiannya :
 - Maksud mukjizat ialah perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah kepada nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan mereka.
 - Mukjizat terbahagi kepada 2 iaitu Hissiah dan Maknawiah
- (f) Contoh kecekalan dan ketabahan Nabi Nuh AS dan Nabi Isa AS :
 - Nabi Nuh : berdakwah selama 650 tahun siang dan malam, namun sebilangan kecil sahaja yang beriman
 - Nabi Isa : Ditentang oleh orang yahudi sehingga mereka merancang untuk membunuh baginda, tetapi Allah menyelamatkan baginda dan diangkat ke langit.
- (g) Dua kesan beriman kepada rasul :
 - Bersyukur kepada Allah kerana mengutuskan rasul untuk membimbing manusia ke arah kebenaran.
 - Mencintai dan memuliakan rasul yang membawa rahmat daripada Allah dan menyampaikannya dengan penuh kesabaran.
- (h) Rasul tidak akan dipercayai kenabian dan kerasulannya lagi (1m) Hal ini akan menyukarkan lagi tugas dakwah yang disampaikan mereka (1m) Kesannya, kumpulan sasaran akan berpaling darinya (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah mempercayai mukjizat yang dianugerahi Allah kepada rasul kerana itu sebahagian daripada kepercayaan terhadap kenabian dan kerasulan mereka (1m).

PELAJARAN 13 Beriman kepada Hari Akhirat

BAHAGIAN A

- 1 C 2 A 3 B 4 A 5 B
6 A 7 A 8 D 9 C 10 D

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Alam kubur
(ii) Mahsyar
(iii) Hisab
(iv) Mizan
(v) Syurga
(vi) Neraka
(vii) Sirat
- 2 (a) Maksud beriman kepada hari akhirat :
– Beriman kepada hari akhirat bermaksud yakin kewujudan hari kehancuran seluruh alam semesta dan kebangkitan yang kekal abadi untuk menerima pembalasan syurga atau neraka.
- (b) Dua nama lain bagi hari akhirat :
(i) Yaumul Kiamat : Hari Kiamat
(ii) Yaumul Hisab : Hari Perhitungan
(iii) Yaumul Din : Hari Pembalasan
- (c) Dua tanda kecil hari kiamat :
– Bilangan ulama' berkurangan
– Kejahilan berleluasa
– Perzinaan berleluasa
– Amanah dikhianati
- (d) Empat kesan beriman kepada hari akhirat :
(i) Berlumba melakukan kebaikan agar mudah melalui titian sirat
(ii) Sanggup berkorban harta, tenaga, masa kerana tahu pengorbanan menjadi suatu yang berbaloi
(iii) Amanah dan bertanggungjawab kerana sedar setiap amalan akan dihitung
(iv) Fokus dalam membuat penambahbaikan terhadap akhlak dan tingkah laku kerana percaya balasan pahala dan dosa
- (e) Kita perlu berlumba-lumba melakukan segala kebaikan setiap hari (1m) Hal ini kerana kita menyedari catatan amal baik dan buruk tidak akan terhenti dilaksanakan oleh malaikat (1m) Kesannya, kita sendiri akan berwaspada dengan setiap tindakan yang diambil (1m). Oleh itu, kita hendaklah berusaha melakukan amalan kebaikan kerana kita mahukan buku amalan kebaikan kita diterima dengan tangan kanan di hari akhirat kelak (1m).

PELAJARAN 14 Beriman Kepada Qada' dan Qadar

BAHAGIAN A

- 1 B 2 A 3 A 4 B 5 B

BAHAGIAN B

- 1 (a) Pengertian qada' dan qadar :
– Allah yang menentukan setiap perkara yang berlaku kepada makhluk dengan ilmu dan iradat-Nya
- (b) Jenis qada':
– Qada Mubram : Bangsa dan jantina seseorang telah ditentukan dan tidak berubah
– Qada Muallaq : Seseorang yang sakit dan berusaha untuk mendapatkan kesembuhan

- (c) Konsep usaha dan tawakal :
– Usaha : Berusaha menggunakan seluruh kemampuan yang diberikan Allah untuk mencapai sesuatu maksud.
– Tawakal : Menyerahkan segala sesuatu perkara dan yakin bahawa hanya Allah yang menentukan keberhasilan perkara setelah berusaha bersungguh-sungguh.
- (d) Kesan beriman kepada qada' dan qadar dalam kehidupan:
– Mengelakkan diri dari perbuatan syirik kepada Allah kerana yakin bahawa setiap perkara adalah daripada Allah
– Tekun melaksanakan perintah Allah kerana mengharapkan rahmat dan keampunan Allah
- (e) Individu tersebut tidak percaya dengan konsep ini dan juga beriman kepada qadar (1m). Individu ini terlampau mempercayai realiti dunia yang berlebihan (1m). Hal ini akan membuatkan dirinya tidak mempercayai serta jauh daripada agama Islam (1m) Oleh yang demikian, kita seharusnya mempercayai konsep tawakal dan usaha dalam hidup kerana ia merupakan sebahagian daripada percaya kepada qada' dan qadar (1m)

BIDANG FEQAH

PELAJARAN 15 Konsep Fardu Ain dan Fardu Kifayah

BAHAGIAN A

- 1 B 2 B 3 A 4 C 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Fardu Kifayah
(ii) Fardu Ain
(iii) Fardu Ain
(iv) Fardu Ain
(v) Fardu Kifayah
(vi) Fardu Kifayah
(vii) Fardu Ain
- (b) Kesan penghayatan fardu ain dan fardu kifayah:

INDIVIDU	MASYARAKAT	NEGARA
Membentuk peribadi Muslim yang sejati.	Membina masyarakat yang berdisiplin dan mematuhi undang-undang.	Negara akan bebas dari isu jenayah.
Berusaha menjadi individu yang kreatif dan inovatif.	Membentuk masyarakat yang bertanggungjawab.	Pentadbiran negara berjalan dengan lancar kerana diurus dengan telus.

- (c) Pada pendapat saya, antara bentuk persediaan yang perlu dilakukan oleh seorang Muslim untuk menghayati kewajipan menunaikan ibadat fardu ain dalam kehidupan seharian adalah melaksanakan Program Amali Fardu Ain (PAFA) (1m). Hal ini kerana PAFA dapat mendidik semua murid muslim agar dapat melaksanakan tanggungjawab atas diri mereka dengan sempurna (1m). Contohnya, para murid dapat menunaikan solat fardu lima waktu dengan tertib (1m). Kesimpulannya, kita perlulah menerapkan PAFA dalam kalangan kita lebih-lebih lagi dari bangku sekolah agar kita dapat melaksanakan fardu ain yang dipertanggungjawabkan ke atas diri kita. (1m)

PELAJARAN 16 Pengurusan Jenazah

(Unit 1)

BAHAGIAN A

1 A 2 D 3 A 4 B 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) Maksud pengurusan jenazah :
 - Maksud pengurusan jenazah ialah menguruskan jenazah dengan cara tertentu mengikut ketetapan syarak.
- (b) Dua tindakan awal yang perlu dilakukan terhadap jenazah:
 - (i) Menutup kedua-dua mata jenazah
 - (ii) Mengikat dagu jenazah dengan kain agar mulutnya tidak terbuka
- (c) Dua adab menziarahi jenazah :
 - Antara adab menziarahi jenazah ialah mendoakan keampunan dan rahmat Allah SWT untuk jenazah. Hal ini supaya roh jenazah akan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Selain itu, kita juga mestilah mengucapkan takziah kepada keluarga si mati dalam tempoh tiga hari daripada tarikh kematian. Hal ini dapat membuatkan keluarga si mati berasa tenang dan tidak meratapi kematian tersebut secara berterusan.
- (d) Islam melarang umatnya meratapi pemergian jenazah ketika menghadiri pengebumian atau menziarahi jenazah kerana meratapi bermaksud menangis atau menjerit yang disertai kata-kata kerana terlalu sedih atau rintihan kerana kesedihan (1m). Hal ini akan menyebabkan suasana pengebumian menjadi haru-biru (1m). Ia juga merupakan perbuatan yang tidak menghormati kawasan tanah perkuburan. (1m) Kesimpulannya, kita mestilah tidak meratapi sesuatu kematian sebaliknya kita dibenarkan untuk menangis kerana ia merupakan fitrah. (1m)

(Unit 2)

BAHAGIAN A

1 C 2 B 3 A 4 D 5 C

BAHAGIAN B

- 1 (a) Kewajipan terhadap jenazah :
 - (i) Memandikan jenazah
 - (ii) Mengapankan jenazah
 - (iii) Menyembahyangkan jenazah
 - (iv) Mengebumikan jenazah
- (b) Tujuan memandikan jenazah :
 - Untuk membersihkan jenazah dan memuliakannya
- (c) Maksud mengapankan jenazah :
 - Maksud mengapankan jenazah ialah menutup seluruh badan jenazah dengan sekurang-kurangnya sehelai kain.
- (d) Tujuan mengapankan jenazah :
 - Tujuan mengapankan jenazah adalah untuk menutup aurat jenazah.
- (e) Jenazah lelaki lebih afdhal dikapankan dengan 3 lapisan kain kapan
- 2 (a)
 - (i) 1
 - (ii) 1
 - (iii) 1
 - (iv) 2
- (b) Tujuan menyembahyangkan jenazah :
 - Tujuan menyembahyangkan jenazah adalah untuk mendoakan jenazah agar mendapat rahmat dan keampunan Allah SWT.

- (c) Tujuan mengebumikan jenazah :
 - Menghalang daripada timbulnya bau yang tidak menyenangkan.
 - Agar tidak dapat digali oleh binatang buas
- (d)
 - (i) Sunat
 - (ii) Sunat
 - (iii) Wajib
 - (iv) Wajib
 - (v) Sunat

PELAJARAN 17 Zakat Penyuci Harta

(Unit 1 dan Unit 2)

BAHAGIAN A

1 D 2 B 3 B 4 D 5 D
6 B 7 C 8 D 9 D 10 C

BAHAGIAN B

- 1 (a) Golongan asnaf yang layak menerima zakat :
 - (i) Amil
 - (ii) Mualaf
- (b)
 - (i) Harus
 - (ii) Makruh
 - (iii) Haram
 - (iv) Sunat
 - (v) Wajib
- 2 (a) Dua contoh tanaman yang boleh digunakan untuk berzakat :
 - Padi
 - Gandum
- (b) Umur unta, lembu dan kerbau untuk dizakatkan :
 - Satu tahun ke atas
- (c) Kadar zakat emas, perak dan mata wang :
 - 2.5 peratus dari nisab setiap perhiasan
- (d) Maksud zakat perniagaan :
 - Maksud zakat perniagaan adalah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada yang melibatkan barangan atau perkhidmatan.
- (e) Maksud rikaz :
 - Maksud rikaz ialah harta yang tertanam dalam tanah
- (f) Pada pendapat saya, tindakan yang seharusnya dilakukan oleh asnaf untuk memanfaatkan pemberian zakat tersebut ialah menggunakan zakat tersebut ke jalan yang sebaiknya (1m). Hal ini kerana, mereka merupakan golongan yang terpilih untuk mendapat bantuan tersebut dengan sebab-sebab tertentu (1m). Contohnya, golongan asnaf amil mendapat zakat atas sebab mereka dilantik oleh pemerintah untuk mengumpul dan mengagihkan zakat (1m). Kesimpulannya, golongan asnaf hendaklah menggunakan zakat tersebut dengan sejujur-jujurnya kerana Allah Maha Mengetahui. (1m)

PELAJARAN 18 Aidilfitri dan Aidiladha

BAHAGIAN A

1 B 2 B 3 B 4 D 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) Maksud solat sunat Aidiladha
– Solat sunat yang dilakukan sempena menyambut Hari Raya Aidiladha yang dilakukan pada 10 Zulhijjah.
- (b) Dua amalan yang disunatkan semasa menyambut hari raya :
(i) Menghidupkan malam raya dengan bertakbir membesarkan Allah dan berdoa.
(ii) Memakai wangi wangan bagi lelaki ketika keluar menunaikan solat hari raya.
- (c) Dua hikmah penyiaran hari raya
(i) Sebagai tanda syukur daripada seorang hamba terhadap penciptanya
(ii) Beroleh nasihat dan pengajaran melalui khutbah raya yang disampaikan.
- (d) Pada pendapat saya, hal berkaitan pembaziran sering berlaku ketika membuat persiapan hari raya meskipun telah diingatkan berkali-kali kerana kurangnya kesedaran dalam memahami konsep sebenar meraikan sambutan hari raya (1m). Hal ini kerana sikap rambang mata dan mengambil jumlah makanan yang banyak mengikut hawa nafsu (1m). Kesannya, lebih makanan akan menjadi sisa makanan dan menjadi satu pembaziran (1m). Kesimpulannya, kita perlulah menghayati makna sebenar sambutan hari raya dan bersederhana dalam membuat persiapan agar pembaziran dapat dielakkan. (1m)

PELAJARAN 19 Qiamullail Pemangkin Kekuatan Jiwa

BAHAGIAN A

1 C 2 A 3 A 4 D 5 C

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Amalan-beribadah-Allah SWT –Tahajjud – Al-Quran
(ii) Sunat
- (b) Amalan semasa qiamullail
(i) Memulakan qiamullail dengan solat tahajjud dua rakaat dan diikuti sunat yang lain seperti solat hajat, solat taubat dan solat tasbih.
(ii) Memperbanyakkan zikir, istighfar, membaca Al-Quran dan berdoa
(iii) Disudahi dengan solat witir
- (c) Kelebihan orang yang mengamalkan qiamullail
(i) Doa dimakbulkan oleh Allah SWT
(ii) Menjadi hamba yang bersyukur
(iii) Mendapat kemuliaan dan tempat yang terpuji di sisi Allah SWT
(iv) Memberi ketenangan kepada jiwa untuk lebih khusus beribadah kepada Allah SWT
(v) Beroleh balasan syurga di akhirat

PELAJARAN 20 Solat Sunat Tahiyatul Masjid dan Solat Sunat Hajat

BAHAGIAN A

1 C 2 D 3 B 4 B 5 C

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Makruh kerana perlu bersiap sedia untuk solat fardu asar secara berjemaah
(ii) Sunat kerana sekiranya tidak dikuatiri terlepas solat berjemaah.
- (b) Pada pendapat saya, kita perlu menekankan pelaksanaan solat sunat hajat pada bila-bila masa yang dikehendaki selain dari musim peperiksaan (1m). Hal ini akan menjadikan solat sunat hajat selain dari musim peperiksaan sebagai satu kelaziman. (1m) Contohnya, solat sunat hajat dapat dilaksanakan ketika qiamullail dan sebelum solat rawatib selepas maghrib (1m). Kesimpulannya, solat sunat hajat perlu dilazimi pada setiap masa yang dikehendaki agar tidak terperangkap dalam musim peperiksaan sahaja (1m).

BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM

PELAJARAN 21 Perjanjian Hudaibiyah dan Pembukaan Kota Mekah

(Unit 1)

BAHAGIAN A

1 A 2 A 3 D 4 D 5 D

BAHAGIAN B

- 1 (a) Dua kandungan Perjanjian Hudaibiyah :
– Tiada peperangan antara kedua belah pihak selepas 10 tahun.
– Orang Mekah yang lari ke Madinah perlu dikembalikan ke Mekah semula dan sebaliknya.
- (b) Dua hikmah Perjanjian Hudaibiyah
– Selepas Perjanjian Hudaibiyah, musyrikin Mekah bukan lagi ancaman besar kepada Kerajaan Islam Madinah
– Mewujudkan suasana aman antara kerajaan Islam Madinah dan Musyrikin Mekah.
- (c) Dua iktibar daripada peristiwa Perjanjian Hudaibiyah :
– Semangat perpaduan yang ditunjukkan dalam negeri pelbagai bangsa dan keturunan.
– Penyebaran Islam secara menyeluruh ke Tanah Arab tanpa paksaan seperti Khalid Al-Walid memeluk Islam.

(Unit 2)

BAHAGIAN A

1 B 2 A 3 D 4 D 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) Dua langkah yang diambil Rasulullah selepas pembukaan Kota Mekah :
- Memusnahkan 360 berhala di sekeliling Kaabah
 - Menyeru Musyrikin Mekah memeluk Islam.
- (b) Dua faktor kejayaan Pembukaan Kota Mekah :
- Petunjuk daripada Allah kepada Rasulullah yang berupa mimpi merupakan tanda pembukaan kota mekah semakin hampir
 - Musyrikin Mekah bertambah lemah kerana ramai pemimpinnya memeluk Islam

- (c) Sebagai seorang bakal pemimpin negara, kita perlu saling menghormati sesama warga agar mencapai kesejahteraan bersama (1m). Dengan saling menghormati, kita dapat membentuk perpaduan antara warga dan kita akan dikenali (1m). Kesannya, kesejahteraan akan wujud dan orang mudah menerima kepimpinan kita (1m). Oleh itu, kita hendaklah bersedia memegang tampuk kepimpinan dengan mempelajari ilmu kepimpinan agar kita mampu memimpin dengan lebih baik pada masa depan (1m).

PELAJARAN 22 Tokoh Sahabat

BAHAGIAN A

- 1 A 2 A 3 A 4 D 5 D

BAHAGIAN B

- 1 (a)

NAMA TOKOH	BILAL BIN RABAH	MUADZ BIN JABAL	ABDUL RAHMAN BIN AUF	KHALID BIN AL-WALID
KUNIAH	Abu Abdullah	Abu Abdul Rahman	Abu Muhammad	Abu Sulaiman
NAMA IBU	Hamamah	Hindun binti Sahl	As-Syifa binti Auf bin Abdul bin Harith	Lubabah Sughra binti Harith bin Harb
ASAL / KETURUNAN	Habsyah	Bani Salmah daripada golongan Ansar	Bani Zuhrah bin Kilab daripada Golongan Muhajirin	Bani Makhzum
BUKTI KEIMANAN/ KEILMUAN/ KETOKOHAN	– Antara 7 orang yang menzahirkan keislaman. – Dilantik menjadi Muazzin pertama dalam sejarah Islam	– Antara sahabat yang paling alim dalam ilmu halal dan haram. – Dilantik Rasulullah sebagai pakar rujuk Al-Quran dan Feqah di Mekah dan Yaman.	– Berusaha dengan kemahiran dan modal yang ada tanpa mengambil kesempatan dan ihsan orang lain seperti tawaran sejumlah wang yang banyak oleh Saad bin ArRabi'. – Hartawan yang bersikap zuhud dan tawaduk.	– Banyak menyertai peperangan ada zaman Rasulullah antaranya peperangan Mu'tah, Fathu Mekah dan Perang Hunayn. – Digelar Saifullah oleh Rasulullah.

- (b) (i) Bilal Bin Rabah

1. Kita hendaklah mempertahankan akidah Islam walaupun diuji sekuat apa pun agar kita tidak mudah terpesong.
2. Kita hendaklah menjauhkan diri daripada fahaman yang ekstrem dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar.

- (ii) Muadz bin Jabal

1. Kita hendaklah berusaha menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh supaya menjadi orang yang mahir dalam bidang yang dipelajari.
2. Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari agar dapat dimanfaatkan bersama oleh umat Islam.

- (iii) Abdul Rahman bin Auf

1. Kita hendaklah berniaga dengan penuh etika supaya kita dipercayai ramai orang.
2. Kita perlulah berusaha membelanjakan harta di jalan Allah kerana disitu adanya berkat.

- (iv) Khalid bin Al-Walid

1. Kita hendaklah bersedia berkorban mempertahankan agama Islam.
2. Kita hendaklah menyusun strategi dengan baik agar memperoleh kejayaan.

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH

PELAJARAN 23 Pemaaf Melunakkan Hati

BAHAGIAN A

1 A 2 A 3 D 4 B 5 A

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Ketenangan
(ii) Keunggulan
(iii) Penyayang
(iv) Rahmat
(b) (i) Harmoni
(ii) Imej
(iii) Toleransi
(iv) Minat
- 2 (a) Maksud pemaaf :
 - Pemaaf dari sudut istilah ialah melepaskan seseorang dari kesalahan dan membebaskannya daripada hukuman.
(b) Dua contoh sifat pemaaf yang diamalkan oleh Rasulullah SAW :
 - (i) Rasulullah SAW memaafkan segala kesalahan kaumnya terhadap baginda dan meminta agar Malaikat Jibril tidak menurunkan azab kepada kaumnya. Rasulullah juga berdoa kepada Allah SWT agar memberi petunjuk dan hidayah kepada mereka.
 - (ii) Rasulullah SAW memaafkan Habbar yang telah memanah unta yang ditunggang oleh Saidatina Zainab RA dan menyebabkan Saidatina Zainab mengalami keguguran selepas terhumban ke tanah.
- (c) Dua cara mengawal kemarahan :
 - Memperbanyakkan beristighfar kepada Allah SWT.
 - Berwudhuk agar dapat menenangkan hati yang dalam keadaan marah.
- (d) Dua hikmah bersifat pemaaf :
 - (i) Kita dapat memberi ketenangan jiwa pada kedua belah pihak agar tiada sifat permusuhan atau persengketaan wujud dalam kalangan masyarakat.
 - (ii) Kita akan disenangi oleh orang lain kerana sifat pemaaf merupakan suatu sifat yang mulia di mana ia dapat memperbaiki peribadi seseorang.
- (e) Pada pendapat saya, antara perkara yang perlu dilakukan oleh Amira agar tidak menjadi seorang pendendam ialah dengan memaafkan segala kesalahan yang telah dilakukan oleh rakan-rakannya (1m) agar dia mendapat ketenangan jiwa yang dituntut di dalam Islam (1m). Hal ini juga merupakan salah satu daripada sifat-sifat Rasulullah SAW yang terpuji (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah menyemai sikap pemaaf dalam diri sendiri dan juga orang lain agar kita dapat hidup dalam keadaan yang harmoni dan terpelihara. (1m)

PELAJARAN 24 Qanaah Hiasan Peribadi

BAHAGIAN A

1 B 2 D 3 A 4 D 5 D

BAHAGIAN B

- 1 (a) Maksud qanaah dari sudut istilah :
 - Maksud qanaah dari sudut istilah ialah berasa cukup dan redha dengan nikmat kurniaan Allah SWT.
- (b) Dua sifat qanaah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW :
 - (i) Baginda mampu menjadi kaya, tetapi baginda tidak mahu.

- (ii) Baginda sentiasa mendidik anggota keluarga baginda agar bersifat qanaah.
- (c) Dua salah faham tentang sifat qanaah :
 - Tidak menderma atau bersedekah dengan alasan belum menjadi kaya
 - Malas berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dengan alasan sudah suratan takdir.
 - (d) Dua hikmah bersifat qanaah terhadap individu:
 - (i) Menjadikan diri kita memiliki kehormatan diri sehingga tidak pernah terfikir dan terjebak untuk mendekati sesuatu yang haram.
 - (ii) Kita akan lebih bersyukur dan puas dengan apa yang kita miliki dengan hasil usaha sendiri.
 - (e) Pada pendapat saya, kita perlu selalu rendah hati dan melihat kebawah supaya dapat menerima ujian dengan hati yang terbuka (1m). Hal ini kerana orang yang mempunyai sifat rendah hati (1m) biasanya boleh menerima apa yang mereka dapat dengan penuh rasa syukur (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah menghayati sifat qanaah dalam diri agar kita tidak meremehkan nikmat Allah SWT. (1m)

PELAJARAN 25 Syukur Penyubur Iman

BAHAGIAN A

1 C 2 A 3 B 4 A 5 B

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Bersyukur dengan lisan
(ii) Bersyukur dengan hati
(iii) Bersyukur dengan perbuatan
(iv) Bersyukur dengan lisan
(v) Bersyukur dengan perbuatan
- 2 (a) Maksud bersyukur dari sudut istilah :
 - Bersyukur adalah menzahirkan pujian kepada Allah SWT terhadap nikmat yang dikurniakan serta mematuhi semua perintah-Nya.
- (b) Dua contoh sifat syukur yang diamalkan oleh Rasulullah SAW :
 - (i) Baginda solat malam hingga kedua kaki baginda bengkak
 - (ii) Baginda juga sentiasa menyeru umatnya supaya sentiasa bersyukur sama ada sesama makhluk atau kepada pencipta.
- (c) Dua salah faham tentang bersyukur :
 - Kita selalu bersyukur dengan hal yang besar tetapi lupa akan hal yang kecil seperti dikurniakan kesihatan yang baik.
 - Bersyukur tetapi tidak membelanjakan hartanya ke jalan Allah seperti tidak bersedekah.
- (d) Dua hikmah bersyukur :
 - (i) Hidup dalam keredaan dan rahmat Allah SWT kerana sentiasa beramal soleh.
 - (ii) Selamat daripada azab Allah SWT kerana bertambahnya keimanan dalam diri.
- (e) Pada pendapat saya, cara untuk mengelakkan diri daripada membazir dan boros adalah mengamalkan sifat sederhana dalam berbelanja kerana kita cenderung untuk menghabiskan duit pada sesuatu yang tidak berfaedah. Hal ini kerana manusia sukar mengawal hawa nafsu berbelanja sehingga mengakibatkan berbelanja secara berlebihan berlaku. Kesimpulannya, kita hendaklah bersyukur atas segala nikmat yang diberikan agar hidup sentiasa diberkati oleh Allah SWT.

PELAJARAN 26 Adab Berkomunikasi

BAHAGIAN A

1 D 2 D 3 A 4 C 5 D

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Haram
(ii) Gurauan
(iii) Fitnah
(iv) Sahih
(v) Sesuai
- (b) (i) *Qaula Sadida* – Kata-kata yang benar, jujur dan tidak bohong dan berbelit-belit
(ii) *Qaula Baligha* – Kata-kata yang tepat mengenai sasaran memberi kesan kepada jiwa
(iii) *Qaula Karima* – Kata-kata yang Mulia
(iv) *Qaula Makrufa* – Kata-kata yang baik
(v) *Qaula Layyina* – Kata-kata yang menggunakan bahasa yang lemah lembut
(vi) *Qaula Maisura* – Kata-kata yang menggunakan bahasa mudah difahami
- 2 (a) Maksud komunikasi :
– Perhubungan antara dua individu atau lebih secara langsung atau melalui perantaraan seperti emel, surat, radio dan telefon.
- (b) Dua adab komunikasi :
(i) Tidak melalaikan daripada melakukan ibadah dan tanggungjawab seperti solat dan tidak mengabaikan tugas mahupun perintah ibu bapa.
(ii) Menggunakan Bahasa yang sesuai dan sopan seperti kata-kata yang penuh hikmah, mengandungi nasihat yang baik serta menjauhi perdebatan dan gurauan berlebihan.
- (c) Dua hikmah beradab ketika berkomunikasi :
– Dapat bertukar pendapat supaya masyarakat maju dan makmur.
– Hidup dalam aman dan harmoni kerana sifat persefahaman yang ditunjukkan.
- (d) Pada pendapat saya, cara yang sesuai untuk mendidik masyarakat agar perkara seumpama ini dapat dibendung ialah dengan bertanyakan pendapat atau perasaan pihak-pihak yang terlibat (1m). Hal ini kerana perasaan atau maruah seseorang individu itu terjaga (1m). Kesannya, tiada sesiapa pun dari mana-mana pihak yang terkesan dan akan melahirkan komuniti yang aman dan sihat kerana

tiada sifat benci dan dendam antara satu sama lain (1m)
Kesimpulannya, Kita hendaklah fikir sebelum melakukan sesuatu supaya nama sendiri serta hubungan silaturahim orang lain terjaga (1m).

PELAJARAN 27 Adab Bermusafir

BAHAGIAN A

1 A 2 A 3 D 4 C 5 D

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Makruh
(ii) Haram
(iii) Wajib
(iv) Sunat
(v) Harus
- 2 (a) Maksud musafir :
– Seseorang yang keluar daripada kawasan bermuqim menuju kesuatu tempat yang jaraknya melebihi 2 marhalah.
- (b) Dua adab bermusafir :
(i) Menyediakan bekalan keperluan secukupnya sebelum memulakan perjalanan.
(ii) Melantik seorang ketua jika bermusafir melebihi tiga orang.
- (c) Dua hikmah mengamalkan adab bermusafir :
– Musafir yang dimulakan dengan doa dapat menenangkan jiwa kerana pergantungan harapannya hanya kepada Allah.
– Adab bermusafir dapat melatih jiwa seseorang agar lebih berdisiplin seperti mengawal emosi sewaktu menempuh kesulitan, berusaha mematuhi undang-undang serta hak-hak alam sekitar.
- (d) Pada pendapat saya, perkara yang sepatutnya dilakukan untuk menjadikan aktiviti pelancongan suatu bentuk yang diredhai Allah SWT adalah melancong atau bermusafir dengan tujuan dan niat yang baik (1m). Hal ini kerana tujuan dan niat yang baik akan mempengaruhi kita dalam memilih untuk melakukan aktiviti yang baik (1m). Contohnya, kita melancong untuk menambah pengetahuan tentang tempat yang dilawati dan sejarah tempat tersebut (1m). Kesimpulannya kita perlulah menentukan tempat yang ingin kita pergi berserta niat yang baik supaya perjalanan itu diberkati Allah SWT. (1m)

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK

BAHAGIAN A

1 D	2 B	3 C	4 D	5 A	6 D	7 C	8 D	9 A	10 A
11 B	12 B	13 C	14 A	15 B	16 C	17 A	18 A	19 D	20 A

BAHAGIAN B

1 (a)	(i) ✗ (ii) ✓ (iii) ✗ (iv) ✓	1m 1m 1m 1m (4m)
(b)	(i) Memanjangkan suara pada huruf mad atau huruf lin (ii) Alif / wau / ya	1m 1m (2m)
(c)	Contoh jawapan Penyalahgunaan nikmat akan menjadikan seseorang tidak bersyukur dengan nikmat yang diberikan oleh Allah SWT (1m) Ini akan menyebabkan kelakuan seseorang menjadi teruk dan sukar dibendung (1m). Kesannya, hati menjadi keras dan sukar menerima nasihat untuk berubah (1m) Oleh itu, kita perlu menghargai nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT supaya kita akan menjadi hamba yang tawaduk kepada-Nya (1m). Catatan: – 1 isi sahaja = 1m – isi + huraian ringkas = 2m – isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m – isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	1m 1m 1m 1m (4m)
2(a)	(i) Kamu berlaku adil terhadap dua yang bertelingkah adalah sedekah. (ii) Dan kamu mengalihkan sesuatu yang merentas di jalan adalah sedekah.	1m 1m (2m)
(b)	Dua kelebihan mengucapkan perkataan yang baik : – Menenangkan hati pendengar apabila menuturkannya. – Mengelakkan berlakunya perselisihan faham antara kedua pihak. – Menampilkan imej peribadi yang disenangi oleh masyarakat umum. – Menyuburkan budaya komunikasi yang berkesan yang memudahkan interaksi sesama manusia.	1m 1m (2m)
(c)	Dua cara berlaku adil terhadap dua orang yang bertelingkah – Menghalang kedua-dua pihak daripada melanggar perintah Rasulullah agar tidak berterusan bertelingkah selama tiga hari. – Mententeramkan hati kedua-dua belah pihak – Memberi nasihat dan kata-kata yang berguna agar pertelingkahan dapat dielakkan. – Memanggil guru/ merujuk guru sekiranya pertelingkahan tidak dapat dilaikan.	1m 1m (2m)
(d)	سبدا بكنيندا رسول الله ﷺ : سسوغكوهن اورغ يغ فالينغ اكو چيتاءي دالم كالغن كامو دان يغ فالينغ دكت كدودوقنن دغنكو قد هاري اخيرة اياله اورغ يغ فالينغ باءيق اخلاقن. Cara penskoran: Jika betul : 1 – 7 perkataan = 1 markah 8 – 14 perkataan = 2 markah 15 – 21 parkataan = 3 markah 22 – 28 perkataan = 4 markah	1m 1m 1m 1m (4m)

BAHAGIAN C

3(a)	(i) harus (ii) hissi (iii) uswatun (iv) ululazmi	1m 1m 1m 1m (4m)
(b)	(i) Iman (ii) Akidah (iii) Ismaturrasul (iv) Tabligh	1m 1m 1m 1m (4m)

(c)	(i) Maksud Rasul ialah seorang lelaki yang dipilih oleh Allah SWT, dikurniakan wahyu serta diperintahkan untuk menyampaikan kepada umatnya.	1m 1m (2m)
	(ii) Sebab rasul dipilih dalam kalangan manusia – Rasul dapat menunjukkan contoh ikutan yang sempurna kerana rasul adalah manusia dan mengetahui keperluan manusia. – Menunjukkan kemuliaan manusia yang dipilih menjadi khalifah di bumi berbanding makhluk yang lain. – Manusia lebih mudah beriman kepada rasul apabila dapat membuktikan kerasulan dengan mukjizat – Menjadi ujian kepada manusia sama ada mengakui kebenaran rasul yang diutuskan kepada mereka atau mendustakan	1 isi × 2 markah (2m)
(d)	Contoh jawapan Budaya didikan ibu bapa dirumah amat penting untuk menjadikan anak-anak bersifat jujur (1m). Ini bermula apabila ibu bapa menitikberatkan soal tingkah laku anak serta memberi panduan dan tunjuk ajar yang baik untuk anak-anak ikuti (1m). Kesannya, anak-anak akan terbiasa dan mampu mengamalkan sifat jujur dalam kehidupan seharian (1m). Oleh itu, kita mestilah memupuk sikap jujur dalam diri untuk membentuk keperibadian yang sejati (1m). Catatan: – 1 isi sahaja = 1m – isi + huraian ringkas = 2m – isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m – isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	1m 1m 1m 1m (4m)
(e)	Contoh jawapan Ibu bapa perlu memberi tunjuk ajar dan contoh dengan memulakan budaya membaca Al-Quran di dalam rumah (1m). Dengan memastikan anak-anak mendapat didikan yang cukup, ianya dapat memberi pelajaran yang baik untuk seisi keluarga (1m). Kesannya, budaya membaca Al-Quran ini dapat membentuk keluarga yang bahagia serta mengenal dan mengamalkan al-Quran (1m). Oleh itu, kita perlu memupuk budaya membaca al-Quran supaya hidup mendapat keberkatan dan syafaat al-Quran (1m). Catatan: – 1 isi sahaja = 1m – isi + huraian ringkas = 2m – isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m – isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	1m 1m 1m 1m (4m)

BAHAGIAN D

4(a)	(i) ✓ (ii) ✗	1m 1m (2m)
(b)	(i) Fardu Ain (ii) Fardu Kifayah	1m 1m (2m)
(c)	(i) Lahad (ii) Wajib (iii) Sunat (iv) Fardu Kifayah	1m 1m 1m 1m (4m)
(d)	(i) Wajib (ii) Sunat (iii) Haram (iv) Harus	1m 1m 1m 1m (4m)
(e)	Hikmah solat berjemaah – Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan patuh kepada arahan pemimpin kerana melazimkan diri mengikut pergerakan imam. – Melahirkan pemimpin yang berkualiti dengan mengikuti kaifiat menunaikan solat berjemaah. – Mendapat ganjaran 27 kali ganda pahala berbanding solat sendirian. – Membentuk perpaduan yang lebih erat dalam kalangan umat Islam kerana sentiasa solat dalam keadaan teratur.	1m 1m 1m 1m (4m)

(f)	Contoh jawapan Kita perlu beradab dan mematuhi peraturan semasa menziarahi jenazah untuk menghormati jenazah dan keluarga jenazah (1m). Ini kerana, beradab ketika menziarahi jenazah dapat memberi persepsi yang positif kepada masyarakat bahawa Islam amat menitikberatkan adab dalam apa jua keadaan meskipun menziarahi jenazah (1m). Kesannya, imej dan keperibadian umat Islam dipandang mulia serta mententeramkan keadaan (1m). Oleh itu, kita perlu menjaga adab dan mempamerkan tingkah laku yang baik dalam apa jua keadaan supaya dapat mencerminkan keperibadian muslim yang sebenar. (1m)	1m 1m 1m 1m (4m)
	Catatan: – 1 isi sahaja = 1m – isi + huraian ringkas = 2m – isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m – isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	

BAHAGIAN E

5(a)	(i) ✓ (ii) ✗ (iii) ✗	1m 1m 1m (3m)
(b)	(i) Kuniah : Abu Abdul Rahman (ii) Keturunan : Bani Salmah daripada golongan ansar (iii) Nama Ibu :Hindun bin Sahl	1m 1m 1m (3m)
(c)	Contoh jawapan Saya akan menasihati rakan saya tersebut agar menjauhi perkara itu (1m). Ini akan memberi isyarat kepada rakan saya bahawa saya tidak senangkan perbuatan tersebut (1m.)Kesannya, saya dapat mengelakkan daripada berlakunya permusuhan dan pergaduhan (1m). Oleh itu, kita perlu menjauhi perkara yang mencetuskan kepada perbalahan supaya kita dapat hidup dalam keadaan harmoni dan sejahtera (1m). Catatan: – 1 isi sahaja = 1m – isi + huraian ringkas = 2m – isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m – isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	1m 1m 1m 1m (4m)
(d)	(i) dendam (ii) Rasulullah SAW	1m 1m (2m)
(e)	(i) ✓ (ii) ✗ (iii) ✓ (iv) ✗	1m 1m 1m 1m (4m)
(f)	Contoh jawapan Saya akan memohon maaf kepada guru disiplin tersebut atas kesalahan yang dilakukan (1m). Ini bagi mengakui kesalahan yang dilakukan serta menyedari bahawa saya telah melanggar peraturan (1m). Kesannya saya akan mengambil tindakan untuk membetulkan keadaan itu (1m). Oleh itu, kita mestilah menyedari kesalahan yang dilakukan agar tidak berulang pada masa akan datang (1m). Catatan: – 1 isi sahaja = 1m – isi + huraian ringkas = 2m – isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m – isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	1m 1m 1m 1m (4m)

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

BAHAGIAN A

1 D	2 B	3 C	4 D	5 A	6 C	7 A	8 D	9 A	10 D
11 B	12 C	13 A	14 D	15 A	16 C	17 D	18 A	19 C	20 A

BAHAGIAN B

1 (a)	(i) Nutfah (ii) 'Alaqah (iii) Mudghah (iv) Idzomah	1m 1m 1m 1m (4m)
(b)	Fasa kehidupan manusia di peringkat remaja – Remaja mula dipertanggungjawabkan (taklif) dengan apa-apa yang dilakukan berpandukan aturan syariat.	(1 isi dan 1 huraian) 2 markah
(c)	Dua pengajaran ayat – Kita hendaklah yakin bahawa Allah berkuasa mencipta manusia dengan sempurna supaya manusia menjadi hamba yang bersyukur kepada-Nya. – Kita hendaklah memanfaatkan anggota badan dengan melakukan kebaikan kerana manusia adalah sebaik-baik ciptaan. – Kita hendaklah sedar bahawa penciptaan manusia merupakan ciptaan yang sempurna yang menuntut manusia beribadat kepada Allah SWT.	2m 2m 2 markah × 2 isi (ayat pengajaran mestilah lengkap dengan isi dan huraian)
2(a)	(i) ✓ (ii) – (iii) ✓ (iv) ✓	1m 1m 1m 1m (4m)
(b)	Kelebihan meleraikan pergaduhan antara dua pihak – Mendamaikan dua pihak bergaduh – Mengelakkan konflik pergaduhan – Membawa banyak kesejahteraan	2 markah × 1 isi (2m)
(c)	Jawikan perkataan berikut (i) جهاد (ii) ايكونومي (iii) فُغْكَوْنا (iv) ككاياءن	1m 1m 1m 1m (4m)

BAHAGIAN C

3(a)	(i) Al-Ghaniy (ii) Al-Ghaniy (iii) Ar-Razzak (iv) Ar-Razzak	1m 1m 1m 1m (4m)
(b)	(i) Nabi (ii) Siddiq	1m 1m (2m)
(c)	(i) Kazib (ii) Baladah (iii) Khianat	1m 1m (2m)
(d)	Contoh jawapan Saya akan memperbanyakkan membaca Al-Quran serta memahami kandungannya (1m). Hal ini kerana Al-Quran mempunyai nasihat yang dapat mengajar saya untuk mematuhi perintah Allah (1m). Impaknya, saya akan sentiasa beringat untuk menjauhi perbuatan yang membawa kepada kejahatan (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa melakukan kebaikan supaya kita tidak hanyut dengan perkara yang melalaikan (1m). Catatan: – 1 isi sahaja = 1m – isi + huraian ringkas = 2m – isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m – isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	1m 1m 1m 1m (4m)

(e)	(i) Nama –nama syurga – Firdaus – Ma'wa – Naim – Adnin – Darussalam	1m 1m (2m)
	(ii) Kesan beriman kepada hari akhirat – Meninggalkan maksiat dan dosa kerana meyakini bahawa terdapat hari pembalasan yang akan menghitung amal manusia – Sentiasa meningkatkan amal soleh kerana meyakini amal yang dilakukan akan menjadi sebab menuju ke syurga – Sanggup berkorban nyawa, harta dan jiwa supaya dapat menerima pembalasan yang baik.	2 markah × 1 isi (2m)
(d)	(iii) Contoh jawapan Kita perlu berusaha sehabis baik dalam melakukan sesuatu perkara supaya ia menjadi sebab atas sesuatu kejayaan (1m). Hal ini kerana usaha merupakan prasyarat penting untuk menilai kesungguhan seseorang untuk mendapatkan kejayaan (1m). Setelah itu, kita perlu bertawakal dengan menyerahkan segalanya kepada Allah sebagai penentu segala-galanya (1m). Kesimpulannya, kita mestilah meletakkan usaha dan tawakal seiringan kerana kedua-duanya menjadikan kita sedar bahawa kita adalah hamba yang mengharapkan pertolongan Allah SWT(1m). Catatan: – 1 isi sahaja = 1m – isi + huraian ringkas = 2m – isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m – isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	1m 1m 1m 1m (4m)

BAHAGIAN D

4(a)	(i) FA (ii) FK (iii) FA (iv) FA	1m 1m 1m 1m (4m)
(b)	Satu tindakan ketika menghadapi orang yang sedang nazak – Membacakan kalimah 'lailahaillallah' – Memberi ketenangan kepada mereka – Membacakan yaasin dan doa selamat	1 isi × 2 markah (2m)
(c)	Satu adab menziarahi jenazah – Mendoakan keampunan dan rahmat Allah untuk jenazah – Mengucapkan takziah kepada keluarga si mati – Membantu keluarga si mati – Tidak meratapi pemergiannya	1 isi × 2 markah (2m)
(d)	(i) Mengkapankan (ii) Memandikan (iii) Lahad (iv) Syaq	1m 1m 1m 1m (4m)
(e)	Hikmah pensyariatan zakat – Mengagungkan Allah atas segala kurniaan serta atas nikmat Islam dan iman yang diberikan. – Sebagai manifestasi kesyukuran seorang hamba kepada pencipta-Nya. – Melahirkan kegembiraan kepada penerima zakat yang merupakan golongan yang memerlukan. – Mengeratkan hubungan kekeluargaan.	2 isi × 2 markah (4 m)

(f)	Contoh jawapan Masyarakat berlumba-lumba untuk mempamerkan kekayaan dan kemegahan yang dimiliki kepada semua (1m). Hal ini kerana waktu perayaan adalah waktu yang menghimpun semua saudara mara (1m) dan memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk berbuat sedemikian. Kesannya, mereka akan berpakaian dengan keterlaluan dan melalaikan diri. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah menjauhkan diri daripada sifat boros berbelanja, mewah dan tabarruj kerana sifat tersebut akan merugikan diri. (1m) Catatan: - 1 isi sahaja = 1m - isi + huraian ringkas = 2m - isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m - isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	1m 1m 1m 1m (4m)
-----	--	------------------------------

BAHAGIAN E

5(a)	Dua riwayat hidup Bilal bin Rabah - Nama : Bilal bin Rabah - Keturunan : Abu Abdullah - Asal : Habsyah - Kewafatan : Di Damsyik pada tahun ke 20 Hijrah	1m 1m (2m)
(b)	Faktor kejayaan Pembukaan Kota Mekah : - Petunjuk Allah SWT - Strategi Rasulullah SAW - Tentera Islam yang mempunyai semangat juang yang tinggi dan berdisiplin - Musyrikin Mekah yang bertambah lemah.	2 isi × 2 m (4 m)
(c)	Contoh jawapan Kredibiliti seseorang pemimpin penting kerana ia memperlihatkan kecekapan pengurusan pentadbiran (1m). Hal ini kerana pemimpin merupakan orang yang penting mengatur strategi serta mengkordinasi pelbagai perkara agar keadaan segala urusan berjalan lancar (1m). Kesannya negara berada dalam keadaan yang stabil dan makmur. Kesimpulannya, kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa kerana dia akan memimpin negara ke arah kesejahteraan bersama (1m). Catatan: - 1 isi sahaja = 1m - isi + huraian ringkas = 2m - isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m - isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	1m 1m 1m 1m (4m)
(d)	(i) Lembut (ii) Melepaskan (iii) Kemaafan (iv) Diri	1m 1m 1m 1m (4m)
(e)	Cara bersyukur melalui lisan - Sebut dan memuji Allah SWT dengan berzikir - Berdoa agar Allah mengurniakan sifat syukur - Bercakap perkara yang baik	2 isi × 1 markah 1m 1m (2m)
(f)	Contoh jawapan Zikry seharusnya sentiasa berusaha untuk menambahkan ilmu serta menjauhi sikap mudah berpuashati. Hal ini kerana sikap mudah berpuas hati akan merugikan dirinya kerana tidak mahu menambah kelebihan yang ada untuk dimanfaatkan ke arah jalan yang lebih luas lagi. Kesannya, Zikry akan ketinggalan kerana sikapnya. Oleh yang demikian, kita perlulah sentiasa giat berusaha untuk tidak ketinggalan kerana mudah berpuas hati. Catatan: - 1 isi sahaja = 1m - isi + huraian ringkas = 2m - isi + huraian lengkap(contoh/sebab/kesan) = 3m - isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)	1m 1m 1m 1m (4m)